

Datuk Bandar: BERSIH kini 'isu keselamatan'
MalaysiaKini.com
April 27, 2012
By Nigel Aw

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hari ini berkata tindakan perhimpunan BERSIH di Dataran Merdeka kini sudah menjadi isu keselamatan.

Justeru Datuk Bandar Kuala Lumpur Tan Sri Ahmad Fuad Ismail berkata, polis patut campurtangan membantu DBKL bagi menegakkan undang-undang.

NONE"Kini nampaknya ada percanggahan antara apa mereka (BERSIH) mahu dan apa yang tidak diizinkan undang-undang, antaranya mereka yang mahu berhimpun dan pihak luar yang menentangnya.

"Saya boleh katanya, sekarang terdapat unsur berkaitan keselamatan," kata Ahmad Fuad.

Ekoran itu, Ahmad Fuad berkata akan menemui Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Mohamad Salleh hari ini bagi menentukan kaedah dalam operasi bersama mereka.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/196252>

